



15 APR, 2026

Keselamatan tenaga jadi keutamaan strategik negara - TPM

Sinar Harian, Malaysia



Keselamatan tenaga jadi keutamaan strategik negara - TPM

KUALA LUMPUR-Keselamatan tenaga bukan lagi pilihan, sebaliknya menjadi keutamaan strategik negara berikutan ketegangan yang meningkat dan gangguan di Selat Hormuz yang memberi impak kepada pasaran tenaga global.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata harga minyak terus mencatatkan turun naik yang secara langsung mempengaruhi kos elektrik dan perniagaan serta ekonomi.

"Kita perlu terus memperkukuh kedudukan dengan membangunkan sumber tenaga domestik yang stabil dan mampan bagi memastikan daya tahan jangka panjang," katanya ketika berucap sempena Majlis Penyiapan Projek Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP) di sini pada Selasa.

Beliau berkata, bekalan tenaga bersih telah menjadi pe-

mentu utama kepada keputusan pelaburan dalam ekonomi global hari ini.

Katanya, syarikat multinasional dan sektor pertumbuhan tinggi lain seperti semikonduktor, pusat data dan pembuatan termaju dipengaruhi oleh komitmen penyahkarbonan dan keperluan kemampanan.

"Melalui pembekalan tenaga bersih menerusi inisiatif seperti CGPP dan Skim Pembekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS), Malaysia kini dikenali sebagai destinasi pelaburan hijau utama untuk industri masa depan," jelasnya.

Selain itu, Fadillah berkata, industri pusat data Malaysia antara yang paling pesat berkembang di Asia Tenggara, dengan pelaburan komited bernilai berbilion dolar daripada firma teknologi global seperti Google, Microsoft, Amazon dan Nvidia.
- *Bernama*